

**Kluster Sivagangga, Kurau: Tiada kes baharu, ini perincian saringan
Astro Awani
11 Ogos 2020
Harits Asyraf Hasnan,**

KUALA LUMPUR: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memaklumkan tiada kes baharu melibatkan Kluster Sivagangga dan Kluster Kurau.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah bagaimanapun menegaskan, pengesanan kes secara aktif dan saringan kontak rapat masih diteruskan bagi kedua-dua kluster tersebut.

Menurut beliau, sejumlah 5,645 orang telah disaring dalam Kluster Sivagangga yang kini menjangkiti 45 individu.

Pecahan saringan mengikut negeri yang terbabit adalah seperti berikut:

1. Kedah (4,154 disaring):

- 31 kes dikesan positif COVID-19;
- 4,112 individu negatif; dan
- 11 individu masih menunggu keputusan.

2. Perlis (1,223 disaring):

- 11 kes dikesan positif COVID-19;
- 681 individu negatif; dan
- 531 individu masih menunggu keputusan.

3. Pulau Pinang (268 disaring):

- 3 kes dikesan positif COVID-19;
- 243 individu negatif; dan
- 22 individu masih menunggu keputusan.

Mengulas berkenaan Kluster Kurau, Dr Noor Hisham berkata, sejumlah 180 orang telah disaring dari negeri Perak dan Pulau Pinang.

"Kluster ini juga tidak melaporkan kes baharu, justeru kes positif COVID-19 kekal lima kes," katanya.

Daripada jumlah selebihnya:

- 123 individu negatif; dan
- 52 individu masih menunggu keputusan.

**© 2020 Astro Awani Network Sdn. Bhd.
(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/kluster-sivagangga-kurau-tiada-kes-baharu-ini-perincian-saringan-254817>